

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI
MAHMUD [KOTA RAJA]**

SOALAN :

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mempertingkatkan kedudukan mahkamah Syariah di seluruh negara.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sesungguhnya Kerajaan sentiasa berusaha untuk memartabatkan undang-undang Syariah selaras dengan Fasal (1) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan. Dalam hal ini, Kerajaan dengan kerjasama negeri-negeri, sedang berusaha bagi memastikan undang-undang Syariah dapat dilaksanakan melalui cadangan untuk memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah, menaik taraf

sistem kehakiman Syariah dan menyemak semula kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah.

Kerajaan bercadang untuk mewujudkan lima peringkat mahkamah Syariah iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tengah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri dan Majlis Rayuan Syariah. Kerajaan telah merundingi Majlis Agama Islam Negeri-Negeri bagi mendapatkan pandangan dan pertimbangan, kerana institusi kehakiman Syariah adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Butiran I, Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, Kerajaan dari semasa ke semasa, sentiasa dalam tindakan aktif untuk melaksanakan cadangan tersebut.

Pada masa ini, antara usaha Kerajaan dalam mempertingkatkan kedudukan Mahkamah Syariah di Malaysia seperti berikut:-

- (a) mewujudkan sistem e-syariah untuk menyeragamkan sistem pengurusan dan pendaftaran kes-kes Syariah Negeri-Negeri di Malaysia;
- (b) mewujudkan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di semua Negeri-Negeri bagi menguatkuasakan perintah-perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah Syariah;

- (c) menempatkan pegawai-pegawai sulh dan membangunkan kaedah sulh bagi mempercepatkan penyelesaian sesuatu kes;
- (d) mewujudkan Skim Perkhidmatan Pegawai Syariah di tujuh (7) buah Negeri (Wilayah-Wilayah Persekutuan, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pulau Pinang, Perlis dan Sabah);
- (e) melantik Pegawai Syariah wanita ke jawatan Hakim Syarie di Mahkamah Syariah. Sehingga kini antara negeri-negeri yang telah melantik Hakim Syarie wanita ialah Kelantan, Perlis, Wilayah Persekutuan, Melaka, Sabah dan Pahang;
- (f) menggubal Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah dan Arahan-Arahan Amalan dan untuk digunapakai oleh mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-Negeri di Malaysia; dan
- (g) mewujudkan infrastruktur bangunan ibu pejabat mahkamah Syariah di Negeri-Negeri (Perlis, Kedah, Wilayah-Wilayah Persekutuan, Kelantan, Negeri Sembilan, Melaka, Pulau Pinang dan Sabah).

Sekian, terima kasih.